

**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**  
**MEMAKMUR DAN MENSEJAHTERAKAN BUMI**  
**5 JUN 2015 (JUMAAT)**

---

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala suruhan dan perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini diberkati di dunia dan diakhirat. Bersempena dengan Hari Alam Sekitar Dunia, 5 Jun tahun ini, mimbar ingin berkongsi dengan sidang Jumaat sekalian mengenai satu tajuk: **Memakmurkan dan Mensejahterakan Bumi Allah** yang mana ianya merupakan suatu amalan yang baik, murni dan diredhai oleh Allah SWT dan Rasul-Nya, Nabi Muhammad SAW.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Di dalam surah Thaha 20:6 Allah telah berfirman:

⑦ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَمَا تَحْتَ الثَّرَى

---

---

Bermaksud "Allah berkuasa mentadbirkan alamini yang meliputi segala yang ada di langit, iaitu mengatur perjalanan cakerawala dan setiap benda hidup yang terdapat di atas bumi, juga yang berada di antara langit dan bumi seperti awan, udara, hujan dan sebagainya. Dia juga memiliki segala yang tersembunyi di dalam perut bumi daripada benda-benda galian".

Marilah kita merenung di luar sana dan melihat betapa indahnya ciptaan alam dan kebesaran-Nya. Matahari dan bulan beredar mengikut perhitungan-Nya. Bukit –bukau dan gunung-ganang gagah di pasaknya. Deruan ombak beralun tanpa henti, pokok tumbuhan berkembang dan meneduhi bumi. Apakah kalian tidak memikirkan? Adakah ianya secara kebetulan? Siapa yang mengatur urusan semua ini? Allah-Akhbar.....Betapa indahnya pengaturcaraan-Nya.

Allah SWT telah berfirman di dalam Surah ar-Rahman 55:3-6

خَلَقَ الْإِنْسَانَ (٣) عَلَّمَهُ الْبَيَانَ (٤) الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ  
مُجَسَّبَانِ (٥) وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ (٦)

Iaitu bermaksud: "Dia (tuhan) menciptakan manusia. Mengajarkannya pandai berbicara. Matahari dan bulan beredar mengikut perhitungan. Dan tumbuh-tumbuhan dan pohon-pohon kedua-duanya tunduk kepada-Nya."

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Di dalam Surah Al-Baqarah ayat 1:30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ  
فِيهَا مَنْ يَفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَيُخْرِجُ نَسِيجَ جَحْدَمِكَ  
وَنَقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَنَا أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ (٣٠)

Bermaksud: "Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya: Adakah Engkau hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa mensucikanMu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku Mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahui."

Khalifah diertikan sebagai seseorang yang memimpin, mengetuai dan menggantikan yang tiada. Konsep khalifah adalah dimana kita mengurus dan mentadbir bumi ini dengan sebaiknya. Memastikan sumber yang ada dimanfaatkan sebaiknya serta tidak berlebih-lebihan. Ia bertujuan memastikan kesinambungan kepada anak-cucu kelak. Ini supaya apa yang kita nikmati hari ini turut juga dapat dirasai oleh generasi akan datang. Adakah kita ingin meninggalkan sesuatu yang tidak baik atau buruk kepada anak cucu kita? Sama-samalah kita fikirkan.

Allah berfirman di dalam Surah al-An'am 6:165

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ  
دَرَجَاتٍ لِّيُبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ  
وَإِنَّهُ لَعَفُورٌ رَحِيمٌ (165)

"Dan Dialah (Allah) yang menjadikan kamu penguasa di muka bumi. Dan sebahagian kamu ditinggikan darjatnya daripada yang lain beberapa darjat, kerana Allah hendak menguji kamu tentang perkara yang dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat seksaan-Nya dan Tuhanmu juga Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Setiap hari kita diberita dan dikhabarkan mengenai pelbagai bencana dan kerosakan alam sekitar yang berlaku di seluruh dunia khususnya di Malaysia melalui media masa dan media elektronik. Antaranya pembakaran terbuka, pembuangan sampah sarap, tumpahan minyak, pelepasan kumbahan/industri, pembalakan haram dan pembukaan tanah bagi tujuan pembangunan yang tidak terkawal.

Terjadilah musibah dan bencana, berlakulah kejadian banjir, pembakaran hutan, tanah runtuh, kemarau berpanjangan, kejadian ternakan dan haiwan mati (sama ada di darat atau di air) dan sebagainya. Penduduk sekitar yang terkesan menerima nasib kehilangan nyawa ahli keluarga, hilang tempat tinggal dan kehilangan pendapatan.

Sebagai contoh, di Malaysia baru-baru ini kita dikejutkan dengan musibah banjir yang amat dasyat yang tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia. Sebahagian besar Negeri-Negeri di Malaysia menerima kesannya. Ramai penduduk kehilangan tempat tinggal dan pekerjaan dan ada juga kehilangan ahli keluarga. Kejadian seperti ini juga telah menyebabkan memusnahkan harta benda dan jiwa. Anggaran kerugian kerosakan dan baikpulih menjangkau jutaan ringgit. Satu nilai yang amat besar yang disebabkan aktiviti rakus manusia itu sendiri.

Begitu juga yang berlaku di Cameron Highland, dimana berlakunya pencerobohan tebing-tebing sungai untuk tujuan penempatan dan pembangunan. Tanah-tanah sekitarnya dibuka atas nama pembangunan fizikal mahupun pertanian tanpa menghiraukan kesan buruk. Natijahnya berlaku tanah runtuh dan banjir kilat yang telah meragut nyawa penduduk sekitar itu sendiri.

Pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya kejadian seumpama itu. Antara adalah sikap tamak yang menguasai diri manusia itu tanpa memikir kesannya kepada alam sekitar dan generasi yang akan datang.

Di dalam **surah al-Rum ayat 41:**

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ  
لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ كَرَّ حَتُورًا ﴿٤١﴾

Maksud: *"Telah timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia, timbulnya yang demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)"*

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar hari ini ingin mengajak semua untuk sama-sama memainkan peranan dalam memastikan Bumi Allah dimakmurkan dengan sebaiknya dalam konteks individu, ahli keluarga, masyarakat dan juga negara. Antara perkara-perkara yang boleh dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Mengadakan gotong royong menjaga persekitaran seperti di sekitar rumah, institusi sekolah, rumah ibadat;
- ii) Tidak membuang sampah di merata-rata tempat dan membuangnya di tong yang disediakan. Sebaik-baiknya pengasingan sisa dibuat di rumah dan ianya merupakan langkah pertama untuk menguruskan sisa sampah yang baik. Kira-kira 33,000 tan sisa sampah dilupuskan di tapak pelupusan sampah setiap hari dan sehingga 2014 terdapat sebanyak 165 tapak pelupusan beroperasi bagi menampung sisa tersebut;
- iii) Mengambil langkah-langkah penjimatan ke atas penggunaan air, elektrik;
- iv) Penanaman pokok-pokok dan tumbuhan sekitar halaman rumah. Adalah disarankan penanaman pokok tumbuhan berasaskan makanan seperti tumbuhan herba dan sayuran berbanding pokok hiasan;

- v) Menggunakan pengangkutan awam dan perkongsian kenderaan bagi membantu mengurangkan pencemaran udara dan menjimatkan bahan bakar;
- vi) Mengelakkan penggunaan beg plastik dan bekas makanan *styrofoam* (bahan yang tidak boleh diuraikan);
- vii) Amalan 3R (Re-use, Re-cycle, Reduce) iaitu Guna semula, Kitar semula dan Kurangkan. Menurut kajian Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), kadar kitar semula negara pada tahun 2012 adalah hanya 10.5% dan masih terendah di antara negara-negara membangun. Kerajaan telah menyasarkan pencapaian kadar kitar semula di Malaysia adalah sebanyak 22% menjelang tahun 2020;
- viii) Aktiviti pengkomposan baja boleh dibuat hasil cantasan ranting pokok, sisa rumput mahupun sisa makanan rumah. Untuk rujukan sisa makanan meliputi 44.5% daripada sisa domestik yang dihasilkan setiap hari (Kajian JPSPN, 2012)

Setiap anggota masyarakat juga boleh bertindak sebagai mata dan telinga kepada kerajaan dalam membantu menyalurkan maklumat dan aduan kepada pihak berkuasa seperti agensi-agensi di bawah Kementerian Sumber Asli Dan Alam sekitar mengenai aktiviti-aktiviti yang merosakkan alam sekitar. Contohnya pembakaran terbuka, pembuangan sisa toksik, pelepasan air kumbahan dan industri yang mencemar, pelepasan asap hitam kenderaan dan pelepasan asap hitam dari cerobong industri-industri. Dengan adanya institusi kerajaan yang mantap, masyarakat dan warga yang prihatin, pastinya pelbagai isu berkaitan alam sekitar dapat ditangani dengan baik hendaknya.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Di akhir khutbah pada hari ini, marilah kita sama-sama berganding bahu dan bersatu padu serta menyahut seruan untuk sama-sama **memakmur dan mensejahterakan** dengan memelihara dan memulihara Bumi Allah ini dengan sebaiknya. Memanfaatkan segala yang ada di muka bumi ini dengan tidak membazir dan berlebih-lebihan serta mengambil segala langkah perlu bagi memastikan sumber yang sedia ada dapat diguna dan dinikmati oleh generasi akan datang. Sebaik-baik pedoman adalah mensyukuri nikmat Allah SWT dengan lafaz *Alhamdulillah*, mengagungkan kebesarannya *Allahakbar*, yang mana kita adalah hambanya yang kerdil; wajib patuh segala suruhan-Nya dan meninggal segala larangan-Nya dan *SubhanAllah*, menunjukkan zat-Nya Yang Maha Agung lagi Maha Berkuasa.

Firman Allah dalam surah al-Hud ayat 61

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّيَارَ وَالضَّرَافِعَ مِنَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا لَهُمْ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ  
وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ فِيهَا جَنَّاتٌ جَارِيَةٌ مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يُدْخِلُهُمُ الْمَلَائِكَةُ مِنْ ثَمَرَاتِهِمْ بِحُبِّهِمْ وَالَّذِينَ كَفَرُوا لَهُمْ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ  
وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ فِيهَا جَنَّاتٌ جَارِيَةٌ مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يُدْخِلُهُمُ الْمَلَائِكَةُ مِنْ ثَمَرَاتِهِمْ بِحُبِّهِمْ وَالَّذِينَ كَفَرُوا لَهُمْ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ

Bermaksud "Dialah yang menjadikan dari bahan-bahan bumi, serta mengkehendaki kamu memakmurkannya"